

**PM Akan Teliti Permintaan MIC - Palanivel**  
**Mstar Online**  
**14 December, 2012**

**KUALA LUMPUR:** Datuk Seri Najib Tun Razak akan meneliti pelbagai permintaan yang dibuat oleh MIC semasa perhimpunan umum yang baru berakhir.

"Kami tidak meminta banyak. Kami membuat permintaan kewangan yang tertentu. Saya membangkitkannya dalam mesyuarat Kabinet baru-baru ini dan beliau bersetuju. Sejumlah daripadanya akan dimasukkan dalam Bajet 2014.

"Kerajaan telah memberikan RM1.8 bilion kepada masyarakat India sejak beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri," kata presiden parti Datuk Seri G. Palanivel.

Palanivel, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata "momentum" ke arah MIC telah meningkat dan sokongan Najib telah melonjakkan semangat ahli.

Mengenai 300,000 kaum India di negara ini yang didakwa tidak mempunyai pengenalan diri, beliau berkata, Pakatan Rakyat harus membuat dakwaan dengan bukti dan butiran.

"Kita memerlukan fakta. Tunjukkan kepada kami bukti. Jangan memetik nombor dari udara nipis," kata Palanivel, yang terdahulu menyerahkan sumbangan RM1.14 kepada 37 gereja dan NGO Kristian di seluruh negara.

Beliau berkata jumlah itu telah meningkat lebih RM400,000 yang diberikan kepada kumpulan gereja.

Hakcipta Terpelihara © 1995-2012 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/12/14/mstar\\_berita/20121214110320&ec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2012/12/14/mstar_berita/20121214110320&ec=mstar_berita)